

15 JUL 1998

Komanwel-Teknologi

UJIAN KEMUDAHAN DAN TEKNOLOGI BERJALAN LANCAR

Oleh: Arul Rajoo

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Meskipun dicemari dengan beberapa masalah awal pada peringkat permulaan, proses pengujian kemudahan dan teknologi bagi Sukan Komanwel ke-16 berjalan lancar pada pra-Sukan yang sedang berlangsung di Kompleks Sukan Nasional di sini.

Pengarah Teknologi Sukom Ninety Eight Berhad, Kol Sapari Sarkawi berkata kebanyakan masalah telah dapat diatasi dan kini tidak lagi wujud sebarang masalah besar.

"Kami bukan setakat menguji teknologi tetapi juga gelanggang-gelanggang berkenaan. Ada timbul sedikit masalah seperti sambungan bekalan tenaga dan mendapatkan bekalan IT...tetapi segala-galanya telah bertambah baik sekarang," katanya di sini hari ini.

Menurut Sapari masalah-masalah seperti itu memang diduga memandangkan mereka baru berpindah dan menguji segala kelengkapan sejak beberapa hari lepas disebabkan semua gelanggang baru sahaja siap.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan pembukan kompleks ini Sabtu lepas.

"Kami sedang menguji papan skor, kiraan masa, sistem keputusan, talian komunikasi, sistem bunyi dan beberapa aspek lain. Pra-Sukan ini memberi kami peluang untuk menguji sumber kami walaupun kami tidak berdaya melakukannya secara besar-besaran," katanya.

Sapari berkata Sukom berusaha sedaya upaya bagi mengenalpasti dan menangani masalah yang timbul sewaktu pra-Sukan, sambil menambah segala kelemahan perlu diperbaiki.

"Satu daripada sebab wujudnya masalah ialah kerana pegawai dan sukarelawan tidak biasa dengan sistem IT," katanya.

Sapari berkata ia mengambil sedikit masa bagi pegawai berkenaan memahami dan bermesra dengan sistem IT, dan bukan hanya kemudahan yang perlu diuji malah para pegawai berkenaan juga memerlukan peluang yang memadai untuk membiasakan diri dengannya.

"Sesetengah sukarelawan datang dari luar ibu negara dan mereka tidak mudah dapat cuti selalu...jadi adalah sukar bagi kami mengajar mereka tentang sistem IT," katanya.

Mengenai Info '98 yang tidak boleh diperolehi sejak hari pembukaan, Sapari berkata ia akan diuji mulai hari ini.

"Kami akan melakukannya secara berperingkat...jika kami buat semua serentak, ia akan merosakkan sistem. Tambahan pula Info '98 memerlukan data dan maklumat yang kami tidak ada sepenuhnya sekarang," katanya.

Sapari berkata Sukom sedang manjalani ujian terhadap lebih banyak talian dan telah mengadakan meja bantuan yang dihubungkan kepada semua gelanggang bagi mengurangkan masalah yang timbul sepanjang pra-Sukan yang berakhir Ahad ini.

Beliau berkata mereka tidak dapat menguji semua sistem kerana sesetengah kemudahan belum lagi siap, termasuk Pusat Penyiaran Antarabangsa dan Pusat Akhbar Utama.

"Namun demikian kami akan terus menguji semua kemudahan dan sistem teknologi selepas pra-Sukan bagi memastikan segala-galanya dalam keadaan sempurna menjelang permulaan Sukan Komanwel pada September ini," kata Sapari.

-- BERNAMA

AR ZAB